

**TAKAFUL : SISTEM INSURAN BERSAMA
SECARA ISLAM DI MALAYSIA
— AMALAN DAN UNDANG-UNDANG¹**

Latarbelakang

Satu sistem insuran yang berasaskan lunas-lunas Islam telah diperkenalkan di Malaysia dalam tahun 1984 apabila Akta Takaful 1984² diluluskan oleh Parlimen dan Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. ditubuhkan. Sebelum sekim Takaful diperkenalkan di Malaysia, seseorang yang ingin mendapat perlindungan insuran untuk apa jua risiko tidak mempunyai sebarang pilihan; beliau hanya boleh mendapat perlindungan sedemikian dari syarikat-syarikat insuran yang mengamalkan sistem insuran barat. Keadaan ini amat tidak memuaskan kerana jika dipandang dari kacamata Islam, sistem insuran barat mengandungi pelbagai unsur yang bertentangan dengan ajaran Islam. Di antara unsur-unsur yang paling ketara ialah unsur Riba, unsur Maisir atau perjudian serta unsur Gharar atau ketidakpastian dalam kontrak yang menimbulkan risiko kepada pihak-pihak yang terlibat. Ada juga ahli fikir Islam yang mendakwa bahawa sistem insuran barat juga menyalahi undang-undang Islam mengenai pembahagian harta dan adalah bertentangan dengan prinsip Qadar dalam Islam - dimana sesuatu yang berlaku ke atas nyawa dan harta seseorang telah ditentukan oleh Allah dan tidak dapat dielakkan.³

¹Penulis mengucapkan terima kasih kepada Ustaz Abdul Muhsin Ahmad, Pensyarah Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya di atas kerjasama beliau dalam membaca dan meneliti rencana ini. Walau bagaimanapun hanya penulis yang bertanggungjawab atas apa-apa kekurangan dan ketinggalan dalam rencana ini.

²Akta 312. Ini adalah ekoran dari satu fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Malaysia dalam tahun 1972 yang telah mengisytiharkan dengan rasminya bahawa konsep insuran barat sebagaimana yang diamalkan di Malaysia adalah haram di sisi Islam kerana ianya mempunyai elemen-elemen Riba, Gharar dan Maisir. Berasaskan fatwa ini satu jawatankuasa petugas telah ditubuhkan dalam tahun 1982 untuk mengkaji kemungkinan diwujudkan satu sistem insuran secara Islam di Malaysia. Berpandukan laporan jawatankuasa inilah Akta Takaful diluluskan oleh Parlimen dan Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. ditubuhkan.

³Kedua-dua alasan ini tidak menyakinkan. Penamaan seseorang waris yang akan berhak menerima wang insuran nyawa seseorang sekiranya orang itu (nyawa yang

Takaful - Konsep Insuran Bersama Secara Islam

Falsafah dibalik insuran barat iaitu mengumpulkan sebahagian dari kekayaan ahli sesuatu masyarakat untuk menolong dan melindungi mana mana ahli masyarakat itu yang ditimpa bencana tidaklah bertentangan dengan ajaran Islam. Di sebaliknya falsafah ini adalah selaras dengan ajaran Islam yang mengutamakan persaudaraan dan saling bantu membantu sesama ummah. Walau bagaimanapun oleh kerana pencapaian matlamat yang murni itu dipenuhi dengan elemen-elemen yang bertentangan dengan Islam sebagaimana yang disebutkan di atas, amalan insuran barat tidak boleh diterima oleh Islam.

Satu sistem yang boleh mencapai matlamat yang sama tanpa menyalahi mana-mana ajaran Islam ialah sistem insuran bersama secara Takaful. Secara amnya Takaful bererti jaminan bersama; jadi semangat bekerjasama serta sifat saling bantu membantu merupakan tiang seri sistem Takaful. Oleh kerana sistem insuran secara Takaful diperkenalkan khusus untuk menepati paradigma agama dan ekonomi Islam, sistem ini memberi keutamaan kepada nilai-nilai agama, ekonomi, moral serta sosial Islam. Semua elemen yang bertentangan dengan ajaran Islam tidak wujud dalam sistem Takaful.

Akta Takaful 1984 mendefinisikan sekim Takaful sebagai satu sekim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan saling bantu membantu dengan memberi bantuan kewangan dan lain-lain pertolongan kepada mana-mana peserta yang memerlukan bantuan dan pertolongan sedemikian, dengan persetujuan semua peserta lain yang telah membuat sumbangan untuk tujuan itu.⁴ Sekim ini mempunyai tiga unsur kepentingan

diinsurankan) meninggal dunia tidak merupakan elemen wajib dalam kontrak insuran. Disebaliknya ia hanyalah sesuatu yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Hak untuk menamakan waris boleh dibatalkan dan digantikan dengan peruntukan bahawa semua wang insuran akan dibahagikan mengikut hukum Faraid, tanpa menjejaskan kontrak insuran itu sendiri atau pun perlindungan yang boleh diberi oleh kontrak insuran itu.

Alasan kedua bahawa insuran barat adalah bertentangan dengan konsep Qadar juga adalah salah kerana insuran tidak dapat dan tidak boleh mengelakkan perkara-perkara yang telah di Qadarkan dari berlaku. Disebaliknya insuran hanya dapat meringankan kesengsaraan yang timbul akibat dari berlakunya sesuatu yang telah di Qadarkan dengan mengagihkan kerugian yang dialami oleh seseorang kepada ahli-ahli masyarakat yang lain.

⁴Akta Takaful 1984, seksyen 2.

bersama: saling bantu membantu, saling bertanggungjawab dan saling melindungi satu sama lain dari kerugian. Berbeza dari insuran barat, sekim Takaful tidak dikeluarkan oleh syarikat kepada orang yang diinsurankan. Dibalikinya orang-orang yang menyertai sekim Takaful saling bekerjasama dan lindung melindungi di antara sesama peserta. Syarikat Takaful bukanlah pihak yang memberi perlindungan insuran dalam konteks insuran barat. Dibalikinya syarikat Takaful hanya merupakan satu institusi yang memberikan kepakarannya dalam pengurusan perniagaan untuk menyatukan peserta, mengutip caruman dari mereka, melabur caruman itu serta memproses sebarang tuntutan yang dibuat oleh mana-mana peserta yang mengalami kerugian.⁵

Amalan Takaful di Malaysia

Sungguhpun Akta Takaful membolehkan lebih dari satu syarikat Takaful ditubuhkan,⁶ sehingga hari ini Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. adalah satu satunya syarikat yang menjalankan sistem insuran Takaful di Malaysia.

Akta Takaful membahagikan perniagaan Takaful kepada dua: Perniagaan perpaduan keluarga atau Takaful Keluarga dan Perniagaan am atau Takaful Am.⁷ Takaful Keluarga didefinasikan sebagai Takaful untuk manfaat individu dan keluarganya manakala Takaful Am didefinasikan sebagai semua urusan Takaful yang bukan merupakan Takaful keluarga.⁸ Dalam konteks sistem insuran barat Takaful keluarga bolehlah dibandingkan dengan insuran nyawa manakala Takaful Am bolehlah dibandingkan dengan semua insuran lain selain dari insuran nyawa.

⁵Konsep seperti ini bukanlah satu konsep yang baru atau pun unik. Insuran dalam bentuk yang sama dikeluarkan oleh Kelab Kelab Perlindungan dan Indemniti (Protection and Indemnity Clubs) yang telah wujud sejak pertengahan abad ke-19. Kelab kelab seperti ini ditubuhkan oleh tuanpunya kapal untuk melindungi sesama mereka dari risiko-risiko yang tidak dilindungi oleh syarikat-syarikat insuran biasa. (lihat Coghlin, TG, 'Protection and Indemnity Clubs' (1984) LMCLQ 403.) Walau bagaimanapun, berbeza dari syarikat Takaful, Kelab Kelab Perlindungan dan Indemniti melabur wang mereka dalam pelaburan-pelaburan yang melibatkan riba. Ini menjadikan aktiviti kelab kelab sedemikian juga bertentangan dengan ajaran Islam.

⁶Akta Takaful 1984, seksyen 4.

⁷Seksyen 3(1)(a)(i).

⁸Seksyen 3(1)(a)(ii).

(i) *Takaful Keluarga*

Takaful Keluarga mempunyai tiga matlamat - untuk menggalakkan peserta berjimat dan menyimpan wang secara tetap, untuk melabur wang simpanan peserta mengikut cara-cara yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam dan untuk memberi perlindungan dalam bentuk manfaat Takaful kepada waris mana-mana peserta yang meninggal dunia sebelum pelan Takaful mereka matang.

Dari segi operasi Takaful Keluarga bolehlah dibandingkan dengan polisi insurans nyawa yang berbentuk endowmen. Setiap pelan Takaful Keluarga seperti setiap polisi endowmen mestilah untuk satu jangkamasa yang tetap. Jumlah sebenar manfaat yang akan dibayar kepada peserta apabila pelan Takafulnya matang atau kepada waris-warisnya jika beliau meninggal dunia sebelum pelan itu matang, bergantung kepada pelbagai faktor termasuk jangkamasa kematangan, saiz caruman yang dibuat oleh peserta serta apa-apa bahagian dari sebarang keuntungan yang didapati oleh syarikat dari pelaburan caruman tadi.

Pada masa ini Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. menawarkan tiga jangkamasa kematangan pelan Takaful keluarga untuk dipilih oleh peserta, iaitu 10 tahun, 15 tahun dan 20 tahun. Setiap peserta bebas memilih mana-mana jangkamasa ini dengan syarat pelannya hendaklah matang sebelum peserta itu berumur 60 tahun. Jadi seorang yang berusia 48 tahun semasa menyertai pelan Takaful Keluarga misalnya, tidak mempunyai sebarang pilihan - beliau mesti memilih jangkamasa kematangan 10 tahun.

Setiap peserta juga adalah bebas untuk menetapkan jumlah caruman tahunan yang akan dibuatnya dengan syarat jumlah itu mestilah tidak kurang dari paras minima yang telah ditetapkan oleh syarikat. Caruman yang dibayar oleh peserta akan dimasukkan kepada dua akaun. Sebahagian besar dari caruman itu akan dimasukkan ke dalam Akaun Peserta manakala bakinya akan dimasukkan ke dalam Akaun Khas Peserta. Akaun Peserta merupakan akaun simpanan dan pelaburan manakala caruman yang dimasukkan ke dalam Akaun Khas Peserta dimasukkan oleh peserta atas niat dan dengan semangat *Tabarru'* - iaitu sebagai derma amal kepada waris mana-mana peserta lain yang meninggal dunia sebelum

pelan Takaful mereka matang. Hakikat bahawa sebahagian kecil dari caruman yang dibuat oleh peserta dimasukkan ke dalam Akaun Khas Peserta hendaklah diberitahu kepada dan dipersetujui oleh peserta semasa beliau menandatangani perjanjian Takaful. Kadar sebenar dari caruman peserta yang akan dimasukkan ke dalam Akaun Khas Peserta ini ditetapkan oleh Syarikat Takaful setelah mengambil kira jumlah pembayaran yang dibuat oleh syarikat dari akaun itu kepada waris-waris peserta yang telah meninggal dunia sebelum pelan mereka matang.

Semua caruman peserta ke dalam kedua-dua akaun itu akan dilabur oleh Syarikat Takaful dalam perusahaan atau perniagaan yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam samada dari segi jenis perusahaan atau perniagaan yang dijalankan atau dari segi operasinya. Pelaburan sedemikian hanya dibuat atas dasar pembahagian untung rugi dan tidak atas dasar pulangan tetap untuk mengelakkan elemen riba dalam pelaburan itu. Keuntungan dari pelaburan sedemikian akan dibahagikan di antara peserta dan Syarikat Takaful mengikut nisbah yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak semasa perjanjian Takaful ditandatangani.

Manfaat Takaful akan dibayar kepada peserta yang masih hidup apabila pelan mereka matang. Sekiranya peserta telah meninggal dunia sebelum pelan mereka matang, manfaat Takaful akan dibayar selepas kematian peserta itu kepada seorang yang berhak menerima manfaat itu samada sebagai wasi (executor) peserta atau kepada seseorang yang mempunyai hak ke atas manfaat itu mengikut undang-undang yang relevan⁹ — misalnya jika peserta yang meninggal dunia adalah seorang Islam, maka waris-waris yang berhak ke atas pesaka peserta mengikut hukum Faraid.

Peserta yang pelan Takafalnya telah matang akan dibayar balik semua caruman yang terkumpul di dalam Akaun Peserta beliau pada masa kematangan itu. Ini termasuklah semua caruman yang telah dibuat ke dalam akaun tersebut dan juga apa-apa bahagian keuntungan yang layak beliau terima dari pelaburan wang dalam akaun tersebut.

⁹Seksyen 65. Penggunaan rangkaikata 'undang-undang yang relevan' dan tidak 'undang-undang Islam' menunjukkan bahawa sungguhpun sekim Takaful adalah satu sekim yang berasaskan ajaran Islam, ianya adalah terbuka kepada semua dan tidaklah terhad kepada orang-orang Islam sahaja.

Sekiranya peserta meninggal dunia sebelum pelan Takafulnya matang, jumlah manfaat Takaful yang akan dibayar kepada waris-waris beliau tidak banyak berbeza dari jumlah manfaat yang akan diterima kepada peserta sekiranya beliau hidup sehingga pelan beliau matang. Waris akan dibayar balik semua wang dalam Akaun Peserta si mati. Ini termasuklah semua caruman beliau ke dalam akaun tersebut sehingga kematiannya dan juga apa-apa bahagian keuntungan dari pelaburan wang tersebut. Amaun ini tentunya lebih kecil dari apa yang diharapkan akan diterima oleh peserta sekiranya beliau hidup sehingga pelan beliau matang. Perbezaan sebenar bergantung kepada sejauh mana pelan peserta itu dari kematangan semasa beliau meninggal dunia. Ini jelas dari contoh di bawah:

X telah memilih pelan 10 tahun dan bersetuju untuk membuat caruman sebanyak \$1000 setahun. Dari jumlah ini ditetapkan bahawa \$900 dibayar kepada Akaun Peserta manakala bakinya dibayar kepada Akaun Khas Peserta.

Dengan pelan itu X berharap untuk menerima $(\$900 \times 10 \text{ tahun}) + (\text{keuntungan dari pelaburan})$ apabila pelannya matang, iaitu $\$9000 + \text{keuntungan}$.

Andaikan X telah meninggal dunia selepas pelannya berjalan selama tiga tahun. Jumlah yang terdapat dalam Akaun Peserta beliau pada masa itu ialah:-

$(\$900 \times 3 \text{ tahun}) + (\text{keuntungan dari pelaburan})$, iaitu $\$2700 + \text{keuntungan}$

Jumlah di atas adalah sekurang-kurangnya¹⁰ $(\$9000 - \$2700)$ \$6300 lebih kecil dari jumlah yang diharapkan oleh peserta akan diterima sekiranya beliau masih hidup pada masa pelan beliau matang. Perbezaan ini yang berjumlah \$6300, akan dibayar oleh syarikat dari tabung Akaun Khas Peserta sebagai sumbangan derma oleh semua peserta lain.

Dengan wujudnya Akaun Khas Peserta yang didirikan atas semangat *Tabarru'*, Syarikat Takaful dapat sekaligus

¹⁰Oleh kerana jumlah pelaburan adalah kecil, keuntungan yang akan didapati juga adalah lebih kecil. Tetapi keuntungan bukanlah hak mutlak peserta - ianya bergantung kepada prestasi syarikat.

menjamin jumlah yang akan dibayar samada kepada peserta apabila pelannya matang atau kepada waris sekiranya peserta meninggal dunia sebelumnya, disamping mengatasi masalah wujudnya unsur perjudian serta ketidakpastian dalam perjanjian.

Peserta dibenarkan menarik diri sebelum pelannya matang. Sekiranya ini berlaku Syarikat Takaful tidak akan merampas caruman yang telah dibuat ke dalam Akaun Pesertanya sebagai penalti kerana ini bertentangan dengan ajaran Islam. Sebaliknya peserta yang menarik diri akan dibayar balik semua wang yang terkumpul dalam Akaun Pesertanya. Caruman yang dibuat oleh peserta ke dalam Akaun Khas Peserta tidak akan dipulangkan kerana caruman ini dibuat oleh peserta atas dasar *Tabarru'*.

(ii) *Takaful Am*

Takaful Am adalah satu sekim yang memberi kepada pesertanya perlindungan dari kerugian akibat bencana tertentu seperti kebakaran, kemalangan dan kecurian ke atas harta-benda. Peserta sekim ini dikehendaki membuat caruman ke dalam Kumpulanwang Takaful Am mengikut kadar yang ditetapkan oleh Syarikat Takaful. Sebahagian dari wang yang terkumpul akan digunakan oleh Syarikat untuk menampung segala perbelanjaan di bawah sekim ini, termasuk membayar manfaat Takaful Am kepada mereka yang mengalami kehilangan atau kerosakan harta-benda akibat sesuatu bencana. Bakinya akan dilabur oleh Syarikat dengan cara dan berpandukan prinsip-prinsip yang sama seperti pelaburan wang dalam Takaful Keluarga. Sebarang keuntungan dari pelaburan ini akan dimasukkan ke dalam kumpulanwang itu. Sekiranya di akhir satu-satu tahun kewangan terdapat lebih keuntungan, ianya akan dibahagikan di antara peserta yang belum pernah membuat sebarang tuntutan di bawah sekim Takaful Am mereka. Pembahagian keuntungan cara ini memberi kesan yang sama seperti pembayaran bonus kerana tiada tuntutan atau *No Claims Bonus* yang diamalkan oleh syarikat syarikat insuran untuk insuran kenderaan bermotor.

Beberapa Isu Undang-Undang Yang Berkaitan Dengan Sekim Takaful

(i) *Akta Takaful 1984*

Akta Takaful 1984 bukan merupakan sumber undang-undang substantif mengenai sekim insuran bersama secara Islam. Sama seperti Akta Insuran 1963, Akta Takaful merupakan satu akta yang bertujuan untuk membolehkan pihak berkuasa mengawalselia aktiviti-aktiviti syarikat Takaful.

Mengikut laporan Jawatankuasa yang mengkaji penubuhan Syarikat Takaful di Malaysia¹¹, syarikat Takaful perlu dikawalselia oleh kerajaan sama seperti syarikat-syarikat insuran lain. Walau bagaimanapun oleh kerana aktiviti syarikat Takaful perlu dijalankan mengikut lunas-lunas Islam, Akta Insuran 1963 yang memberi kuasa kawalseliaan ke atas syarikat-syarikat insuran lain kepada Ketua Pengarah Insuran adalah tidak wajar digunakan untuk mengawalselia syarikat Takaful. Atas alasan inilah Akta Takaful 1984 diluluskan oleh Parlimen. Selain dari itu Akta Takaful juga membolehkan kerajaan menentukan bahawa syarikat Takaful dikendalikan dengan cara-cara yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Berasaskan latarbelakang di atas, adalah amat menghairankan kenapa kebanyakan peruntukan dalam Akta Takaful 1984 hampir-hampir sama dengan peruntukan Akta Insuran 1963. Akta Takaful 1984 sebenarnya adalah Akta Insuran 1963 yang telah melalui beberapa pengubahsuaian yang minima. Kalau dilihat secara kasar sahaja, seseorang tidak akan menyangka bahawa Akta Takaful 1984 sebenarnya memperkenalkan satu sekim insuran yang baru yang berbeza dari semua sekim yang sedia ada bukan sahaja dari segi operasi dan undang-undang yang terpakai tetapi juga dari segi matlamat dan falsafah asasnya. Tidak dapat dinafikan bahawa usaha untuk memperkenalkan satu sekim insuran yang baru

¹¹Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penubuhan Syarikat Insuran secara Islam di Malaysia. Kuala Lumpur, 1984. Selepas ini digelar 'Laporan Jawatankuasa'.

kepada satu masyarakat yang sudah sekian lama didedahkan kepada sekim insuran barat bukanlah satu usaha yang mudah bahkan ianya merupakan sesuatu yang amat mencabar sekali. Tetapi usaha atau beban ini tidak akan dapat diringankan semata-mata dengan menyamarkan sekim baru ini dalam satu akta yang berasaskan sistem insuran barat. Dibalikinya seperti yang dapat dilihat, perbuatan sebegini telah menimbulkan pelbagai masalah.

Pemakaian prinsip-prinsip undang-undang Islam dalam operasi sekim Takaful tidak disebutkan dengan nyata tetapi hanya disiratkan dalam beberapa peruntukan dalam Akta Takaful 1984. Akta mendefinisikan perniagaan Takaful sebagai perniagaan Takaful yang tujuan dan operasinya tidak melibatkan unsur-unsur yang tidak diluluskan oleh Syariah.¹² Seterusnya Akta memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah Takaful hendaklah enggan mendaftarkan seseorang pemohon kecuali beliau berpuashati bahawa di antara lain, tujuan dan operasi perniagaan Takaful yang dicadangkan tidak akan melibatkan unsur-unsur yang tidak diluluskan oleh Syariah.¹³ Akta tidak mendefinisikan Syariah atau menerangkan apakah yang dimaksudkan dengan 'unsur-unsur yang diluluskan oleh Syariah'. Ini merupakan satu ketinggalan yang agak serius kerana sesuatu yang 'diluluskan' oleh Syariah mungkin mempunyai pengertian yang berbeza dari 'dihalalkan'. Dalam Islam selain dari perkara yang ditegah sama sekali (haram) terdapat juga perkara-perkara yang tidak digalakkan (makruh) dan perkara-perkara yang digalakkan (sunnat). Apakah kewujudan sesuatu elemen makruh akan diluluskan oleh Syariah?

(ii) *Undang-Undang Substantif Yang Dipakai Untuk Sekim Takaful*

Akta Takaful 1984 tidak memperuntukkan apakah undang-undang substantif yang harus dipakai sekiranya terdapat lakuna atau kekosongan dalam undang-undang. Akta Insuran

¹²Akta Takaful 1984, seksyen 2.

¹³Seksyen 8(5)(b).

1963 juga tidak mempunyai peruntukan sedemikian tetapi ini adalah kerana dalam keadaan sedemikian Seksyen 5 Akta Undang-Undang Sivil 1956 terpakai.¹⁴ Dalam semua aspek undang-undang komersial, undang-undang Islam tidak dipakai di Malaysia. Jadi nampaknya sungguhpun sekim Takaful diperkenalkan di Malaysia sebagai jawapan kepada keburukan sekim insuran barat, sekiranya timbul pertelingkahan yang melibatkan undang-undang substantif (seperti undang-undang kontrak), undang-undang yang berasaskan *common law* juga yang terpaksa dipakai dan bukan undang-undang Islam.

(iii) *Kontrak Takaful*

Kontrak Takaful adalah satu kontrak yang berasaskan konsep Mudharabah atau pembahagian untung-rugi di antara syarikat Takaful sebagai pengusaha (Al-Mudharib) dan peserta sebagai pengeluar modal (Sahibul-Mal). Sebagai balasan kepada penyertaannya dalam sesuatu sekim Takaful peserta bersetuju untuk memberikan modal dalam bentuk caruman Takaful kepada Syarikat Takaful. Syarikat pula bersetuju untuk mengadakan satu sekim pelaburan dan perlindungan untuk peserta.

Kontrak Takaful akan menyebut dengan jelas hak dan tanggungjawab kedua-dua pihak. Ini adalah penting untuk menentukan agar kontrak sedemikian tidak dicemari oleh elemen ketidakpastian.

Jumlah caruman dan kadar pembahagian keuntungan dinyatakan dalam kontrak itu. Kontrak Takaful Keluarga akan juga menyebut apakah bahagian caruman yang akan disumbangkan oleh peserta kepada Akaun Khas Peserta atas dasar *Tabarru'*. Dengan ini jua yang perlu diketahui oleh pihak-pihak yang berkontrak dinyatakan dalam kontrak itu sendiri.

Akta Takaful tidak menyebut syarat-syarat lain bagi seseorang mengikat kontrak Takaful kecuali bahawa seseorang yang dibawah umur 18 tahun tidak mempunyai keupayaan

¹⁴Secara amnya seksyen ini memperuntukkan bahawa dalam beberapa aspek undang-undang komersial termasuk undang-undang insuran, apabila ada lakuna, undang-undang sebagaimana yang ditadbirkan di England hendaklah dipakai.

untuk memasuki kontrak Takaful.¹⁵ Oleh kerana Akta Kontrak terpakai kepada semua kontrak Takaful seperti juga ianya terpakai kepada kontrak lain, sebenarnya adalah tidak perlu bagi Akta Takaful menyebut mengenai keupayaan berkontrak dari segi umur. Ini menjadi bertambah janggal lagi kerana hanya keupayaan dari segi umur di peruntukkan sedangkan keupayaan dari segi lain tidak.¹⁶

(iv) *Kepentingan yang boleh diinsurankan (Insurable Interest)*

Satu perbezaan yang agak ketara di antara Akta Takaful 1984 dan Akta Insuran 1963 ialah hakikat bahawa Akta Takaful tidak menyebut apa-apa mengenai kepentingan yang boleh diinsurankan samada untuk Takaful Keluarga atau pun untuk Takaful Am sedangkan Akta Insuran 1963 mengandungi peruntukan khusus mengenai elemen ini dalam kontrak insuran nyawa.¹⁷

Konsep kepentingan yang boleh diinsurankan sebenarnya adalah tidak relevan bagi Takaful Keluarga. Seseorang peserta menyertai skim Takaful Keluarga semata-mata untuk kepentingan dirinya dan ahli-ahli keluarganya. Beliau tidak boleh menyertai skim ini dengan tujuan untuk memanfaatkan pihak ketiga. Oleh kerana peserta dalam Takaful Keluarga adalah orang yang diinsurankan dan juga pemegang polisi dalam konteks insuran nyawa, tidak wujudnya elemen kepentingan yang boleh diinsurankan ini tidak akan membolehkan skim ini digunakan sebagai satu bentuk perjudian oleh pesertanya.¹⁸

¹⁵Akta Takaful, seksyen 64.

¹⁶Ini timbul mungkin kerana penggubal Akta Takaful semata-mata menggunakan Akta Insuran 1963 sebagai asas dan cuba mengubahsuai apa yang perlu. Dalam Akta Insuran 1963 terdapat peruntukan mengenai keupayaan untuk memasuki kontrak insuran kerana keupayaan dari segi umur dalam Akta itu berbeza dari peruntukan dalam Akta Kontrak (lihat Akta Insuran 1963, seksyen 41). Oleh kerana keupayaan untuk memasuki kontrak Takaful dari segi umur adalah sama dengan keupayaan untuk memasuki kontrak lain, peruntukan khas mengenai umur berkontrak dalam Akta Takaful adalah tidak perlu.

¹⁷Akta Insuran 1963, seksyen 41.

¹⁸Elemen kepentingan yang boleh diinsurankan (insurable interest) perlu dalam kontrak insuran nyawa kerana kontrak sedemikian membolehkan seseorang mengambil insuran atas nyawa orang lain. Sekiranya elemen ini tidak diperlukan seseorang boleh mengambil insuran ke atas sesiapa sahaja yang dijangka akan meninggal dunia dalam masa yang singkat dengan harapan untuk membuat tuntutan ke atas polisi itu apabila orang itu meninggal dunia. Ini bukan sahaja membolehkan

Laporan Jawatankuasa yang ditubuhkan untuk mengkaji penubuhan sekim Takaful bagaimanapun mengesyorkan bahawa Syarikat Takaful menjadikan elemen kepentingan yang boleh diinsurankan sebagai satu syarat bagi penyertaan dalam Sekim Takaful Am dan memperuntukkan bahawa sekiranya elemen itu tidak wujud sesuatu kontrak Takaful Am dianggap batal. Laporan itu mendefinisikan kepentingan yang boleh diinsurankan sebagai kepentingan kewangan dalam benda yang menjadi subjek kontrak Takaful Am itu. Mengikut Laporan itu keperluan elemen sedemikian tidak melanggar mana-mana ajaran Islam bahkan sebaliknya elemen ini akan menentukan wujudnya keadilan dengan membolehkan syarikat menentukan bahawa gantirugi yang secukupnya dibayar kepada peserta yang membuat tuntutan di bawah sekim ini.¹⁹

Sebenarnya mengikut undang-undang kontrak juga elemen kepentingan dalam apa jua bentuk adalah perlu dalam sesuatu kontrak Takaful Am sungguhpun keperluan ini tidak disebut dalam Akta Takaful 1984. Ini adalah kerana satu kontrak Takaful Am sebagaimana semua kontrak lain di Malaysia adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Kontrak 1950. Semua perjanjian yang bersifat pertaruhan adalah tidak sah mengikut Akta itu.²⁰ Oleh itu walaupun Akta Takaful tidak memperuntukkan mengenai perlunya elemen ini, sesuatu kontrak Takaful Am mesti mengandungi elemen kepentingan yang mencukupi agar ianya tidak termasuk dalam kontrak pertaruhan yang tidak sah mengikut Akta Kontrak.

(v) *Ketakedaharan, Salahnyataan dan Frod*

Laporan Jawatankuasa mengesyorkan bahawa elemen-elemen keikhlasan, kebenaran dan kejujuran dikenakan sebagai syarat dalam semua kontrak Takaful kerana elemen-elemen ini diperlukan oleh Islam dalam semua bentuk urusaniaga.

polisi insuran nyawa digunakan sebagai satu bentuk perjudian tetapi mungkin juga menyebabkan pemegang polisi menggunakan cara-cara yang salah di sisi undang-undang untuk memendekkan nyawa orang yang diinsurankan.

¹⁹Laporan Jawatankuasa, ms 38.

²⁰Akta Kontrak 1950 (Disemak 1974), seksyen 31(f). Peruntukan yang sama juga terdapat dalam Akta Undang Sivil 1956, seksyen 26.

Laporan itu seterusnya mengesyorkan bahawa dijadikan kewajipan setiap peserta Takaful Am untuk memberi maklumat yang benar dan jujur mengenai benda yang menjadi subjek perlindungan Takaful Am. Adalah tidak jelas samada keikhlasan, kejujuran dan kebenaran yang disebut di dalam Laporan itu sebenarnya sama dengan doktrina *uberrimae fidei* (Utmost Good Faith) dalam undang-undang insuran atau pun ianya merupakan penyesuaian doktrina itu mengikut ajaran Islam. Tugas untuk bertindak secara ikhlas, jujur dan benar menggambarkan tugas yang jauh lebih ringan dari tugas pendedahan (*duty of disclosure*) yang berbangkit dari doktrina *uberrimae fidei* dalam undang-undang insuran kerana seseorang hanya boleh dikatakan bersikap tidak jujur, tidak benar atau tidak ikhlas sekiranya beliau mempunyai niat untuk berbuat demikian. Disebaliknya tugas pendedahan dalam undang-undang insuran tidak membezakan di antara ketakdedahan yang dilakukan dengan niat dan ketakdedahan yang dilakukan dengan tidak sengaja.

Walau bagaimanapun tidak ada peruntukan dalam Akta Takaful 1984 yang mengenakan tugas pendedahan secara positif ke atas peserta sekim Takaful. Satu persoalan yang timbul ialah apakah kesan undang-undang ke atas satu kontrak Takaful sekiranya terdapat ketakdedahan oleh peserta. Sekiranya ketakdedahan itu tidak merupakan satu *frod* atau satu salahnyataan,²¹ adakah kontrak itu boleh dibatalkan oleh Syarikat Takaful?

Jawapan kepada persoalan di atas bergantung kepada sama ada satu kontrak Takaful boleh dianggap sebagai satu kontrak insuran atau tidak. Sekiranya ia boleh dianggap sebagai satu kontrak insuran, doktrina *uberrimae fidei* terpakai dan pihak-pihak yang berkontrak akan dikenakan tugas pendedahan yang sama seperti yang dikenakan ke atas pihak-pihak dalam kontrak insuran yang lain. Ini bererti ketakdedahan tanpa niat juga akan membolehkan pihak yang tidak bersalah membatalkan kontrak itu. Disebaliknya jika kontrak Takaful dianggap sebagai kontrak biasa dan bukan kontrak insuran,

²¹Kewujudan sebarang elemen *frod* atau salahnyataan dalam sesuatu kontrak akan membolehkan pihak yang tidak bersalah membatalkan kontrak itu - lihat seksyen 17, 18 dan 19 Akta Kontrak 1950 (Disemak 1974).

ianya hanya boleh dibatalkan sekiranya wujud frod atau salahnyataan. Ketakdedahan tidak sengaja atau tanpa niat adalah tidak mencukupi untuk membatalkan kontrak sedemikian.

(vi) *Waranti, Syarat dan Fasal Asas Kontrak*

Laporan Jawatankuasa dan juga Akta Takaful 1984 tidak menyebut apa-apa mengenai ketiga-tiga perkara ini yang merupakan elemen-elemen penting dalam sesuatu kontrak insuran. Walau bagaimanapun Syarikat Takaful Sdn. Bhd. jelas menggunakan Fasal Asas Kontrak dalam borang cadangan yang perlu di isi oleh sesiapa yang ingin menyertai mana-mana sekim Takaful. Penggunaan Fasal ini akan memberi taraf waranti kepada semua maklumat yang di isi dalam borang cadangan itu. Mengikut undang-undang insuran kegagalan untuk menepati sebarang waranti dalam kontrak insuran samada dengan sengaja atau tidak sengaja akan membolehkan syarikat insuran membatalkan kontrak itu. Penggunaan prinsip ini dengan secara ketat keatas kontrak Takaful mungkin bertentangan dengan ajaran Islam kerana ianya membolehkan pihak syarikat Takaful membatalkan kontrak dengan seseorang peserta yang mungkin telah tidak menepati sesuatu waranti dengan tidak sengaja.²²

(vii) *Lembaga Pengawasan Syariah*

Akta Takaful mensyaratkan bahawa sesebuah syarikat Takaful hanya boleh didaftarkan sekiranya Artikel Persatuan Syarikat itu memperuntukkan mengenai penubuhan Lembaga Pengawasan Syariah yang berfungsi sebagai penasihat kepada syarikat mengenai perkara yang berkaitan dengan Syariah.²³ Mengikut Laporan Jawatankuasa, ahli-ahli Majlis ini hendaklah terdiri dari pakar-pakar dalam bidang syariah dan ekonomi Islam.

²²Sungguhpun ini mungkin tidak akan dilakukan oleh Syarikat Takaful yang menjalankan urusniaga mengikut lunas-lunas Islam.

²³Akta Takaful 1984, seksyen 8(5)(b).

Akta dan Laporan walau bagaimanapun tidak menjelaskan mengenai kesan dan implikasinya jika sesuatu nasihat dari Lembaga itu tidak diikuti oleh syarikat Takaful. Mungkin dalam keadaan sedemikian syarikat itu boleh dianggap sebagai telah bertindak bertentangan dengan Syariah dan ini akan membolehkan Ketua Pengarah Takaful membatalkan pendaftaran syarikat tersebut.²⁴

Akta Takaful menghendaki semua Syarikat Takaful mewujudkan Lembaga Pengawasan Syariah.²⁵ Oleh kerana pada masa ini hanya terdapat sebuah syarikat Takaful sahaja maka hanya wujud satu Lembaga sedemikian. Tetapi oleh kerana Akta Takaful membolehkan lebih banyak syarikat Takaful didaftarkan, pada masa-masa akan datang besar kemungkinan akan wujud banyak lagi syarikat Takaful. Mengikut peruntukan yang ada, akan terdapat sama banyak Lembaga Pengawasan Syariah. Keadaan ini mungkin menimbulkan masalah bukan sahaja dari segi mendapat orang-orang yang mempunyai kepakaran yang diperlukan untuk menganggotai kesemua Lembaga itu tetapi juga dari segi kemungkinan terdapat percanggahan pendapat di antara satu Lembaga dengan yang lain. Mungkin adalah lebih berkesan sekiranya diwujudkan satu sahaja Lembaga Pengawasan Syariah yang bebas di bawah Akta Takaful. Badan ini boleh ditugaskan untuk bertindak sebagai badan penasihat bagi semua perkara yang berkaitan dengan Syariah bukan sahaja kepada syarikat Takaful tetapi juga kepada Ketua Pengarah Takaful dan kakitanganya. Ini bukan sahaja dapat menentukan bahawa kepakaran yang ada dapat digunakan secara optimum tetapi juga dapat mengelakkan kemungkinan timbulnya percanggahan pendapat di antara badan yang berlainan.

²⁴Seksyen 11(1)(a).

²⁵Seksyen 8(5)(b).

Penutup

Biar pun pada masa ini masih terdapat beberapa kelemahan dalam amalan dan undang-undang sekim Takaful, adalah tidak dapat dinafikan bahawa satu era baru telah wujud dengan tertubuhnya Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. Dengan wujudnya sekim Takaful di Malaysia, masyarakat mempunyai pilihan sama ada untuk menggunakan insuran secara barat atau mengikut lunas-lunas Islam. Sekim Takaful juga merupakan satu lagi langkah positif kearah penerapan nilai-nilai Islam dalam amalan dan undang-undang komersial di Malaysia.²⁶

Nik Ramlah Mahmood*

*Pensyarah,
Fakulti Undang-Undang,
Universiti Malaya.

²⁶Akta Bank Islam 1983 merupakan Akta ulung dalam usaba ini. Akta ini telah membolehkan penubuhan Bank Islam Malaysia yang menjalankan urusan bank mengikut ajaran Islam.